Hidup makin kompleks, lebih ramai guru kaunseling diperlukan

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap - Oktober 7, 2024 @ 9:01am
bhpendidikan@bh.com.my



Foto hiasan.

Cabaran kehidupan generasi muda hari ini yang pelbagai menyebabkan peranan guru kaunseling di sekolah semakin diperlukan.

Malah hal itu turut ditegaskan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebelum ini yang berusaha untuk terus memperkasakan peranan guru kaunseling. Sekitar 2019, KPM merekodkan seramai 9,445 guru kaunseling dengan 5,780 berkhidmat di sekolah menengah dan bakinya di sekolah rendah.

Kerjaya guru kaunseling sebenarnya tidak jauh berbeza dengan hakikat tugas pendidik yang lain namun terdapat tanggungjawab tambahan, iaitu sebagai 'barisan hadapan' dalam membantu menyelesaikan masalah pelajar selain menjadi tempat mengadu.

Bagi Guru Kaunseling Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Undang Jelebu, Azriah Mohd Azmir berkata, sebagai guru kaunseling dan pernah menjadi kaunselor pendidikan daerah, dia sudah melalui pelbagai pengalaman sepanjang 21 tahun bertugas.



Katanya berdasarkan pengalaman, ada pelajar yang tidak segan untuk bertemu dengan guru kaunseling dan berkongsi masalah namun ada yang segan berbuat demikian.

"Bagi mendekati pelajar, saya perlu berada di dalam kelompok mereka atau menjadi kawan kepada pelajar. Ia bagi mencipta keserasian dan rasa selesa murid dengan kehadiran guru.

" Kita anggap pelajar sebagai kawan, bila mereka selesa dengan kehadiran guru, mereka sanggup berkongsi pelbagai cerita dengan guru kaunseling,"katanya.

Azriah berkata guru kaunseling perlu mengambil inisiatif sendiri bagaimana mahu merapatkan hubungan dengan pelajar sehingga mereka akhirnya berani untuk tampil berkongsi masalah.

Ujarnya antara kes yang sering kali diajukan kepadanya adalah membabitkan isu berkaitan emosi remaja seperti tidak suka dikongkong, masalah keluarga, kurang perhatian ibu bapa selain pelajar itu sendiri berhadapan dengan isu tingkah laku yang 'nakal'.

Katanya mengendalikan kes murid nakal terutama pelajar lelaki antara cabaran utama namun tidak mematahkan semangatnya untuk terus memberi nasihat dan tunjuk ajar kepada mereka.

" Pelajar seperti ini kebiasaan mahu dilihat hebat dalam kalangan rakan sebaya. Jika berhadapan murid seperti ini, jangan sesekali jemu menghadapi kerenah mereka.

"Sepanjang pengalaman saya, ada ramai pelajar yang berhadapan masalah seperti itu akhirnya berjaya menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan kejayaan.

"Sesetengahnya menyambung pengajian dan berjaya dalam hidup," katanya.

Katanya, selain isu-isu berkenaan peranan guru kaunseling juga untuk berkongsi maklumat, memberi pencerahan dan cadangan kepada murid dalam memilih bidang pengajian mereka selepas tamat sekolah.

Bagi Pegawai Kaunselor Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Raja Melewar Mohammad Hazim Amir Nordin, berkata masyarakat hari ini semakin memahami peranan guru kaunseling atau kaunselor sama ada di sekolah atau institut pengajian tinggi.

Katanya, masyarakat juga semakin memahami stigma berjumpa dengan kaunselor disebabkan bermasalah adalah pandangan yang tidak relevan lagi, kerana itu bukanlah kefungsian utama perkhidmatan kaunseling di sesebuah organisasi.

" Kaunselor dan guru kaunseling berfungsi dalam memberikan langkah pencegahan, perkembangan, pemulihan dan intervensi kepada klien agar dapat berfungsi dengan baik.

Ujarnya kebanyakan kaunselor atau guru kaunseling turut memiliki lesen perakuan amalan yang diiktiraf oleh Lembaga Kaunselor Malaysia.

Mohammad Hazim Amir berkata, secara umumnya kaunseling adalah satu proses perhubungan menolong secara profesional yang diberikan kepada individu memerlukan berdasarkan kepada prinsip psikologi dan perlu mematuhi kod etika kaunselor yang di kawal selia oleh Lembaga Kaunselor Malaysia.

" Kita juga perlu faham peranan kaunselor bukanlah sebagai penyelesai masalah tetapi berperanan membantu anda berbincang dan mencari alternatif penyelesaian masalah yang terbaik dalam membuat keputusan,"katanya.

Sementara itu Pemangku Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Putra Hashim berkata, di Negeri Sembilan katanya, terdapat 382 guru kaunseling yang berkhidmat sama ada di sekolah rendah dan menengah, Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Kolej Vokasional (KV)

Katanya perjawatan guru kaunseling adalah Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) dan guru ini tidak dibenarkan sama sekali untuk mengajar dan diberi jadual harian dengan pengetua atau guru besar perlu mematuhi dasar yang sudah ditetapkan.

" GBKSM wajid ada di semua sekolah menengah manakala, untuk sekolah rendah yang melebihi 350 murid wajib ada seorang guru GBKSM,"katanya.

Menjelas lanjut, Putra berkata mereka yang berminat untuk perlu memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dari IPGM, universiti awam dan universiti swasta yang diiktiraf.

Katanya ramai yang tidak mengetahui, guru kaunseling yang berkelayakan boleh menjawat jawatan pengurusan sehingga peringkat tertinggi sepertimana guru akademik biasa.

Malah katanya, guru kaunseling mempunyai laluan khas dalam Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) iaitu Sarjana Kaunseling Penyalahgunaan Dadah (SPADA) yang dikhususkan hanya untuk golongan guru berkenaan.

Justeru, ia menolak sama sekali sesetengah pandangan yang melihat guru kaunseling tidak boleh pergi jauh dalam kenaikan pangkat.